

Media Title : Harian Metro
Headline : Tiga lelaki keldai akaun ditahan
Date : 21 May 2023
Section : Lokal
Page : 5



Tiga lelaki keldai akaun ditahan

Balik Pulau: Polis menahan tiga lelaki dipercayai keldai akaun kepada beberapa sindiket penipuan sehingga menyebabkan mangsa mereka kerugian RM31,452 dalam serbuan berasingan di beberapa lokasi di sekitar Pulau Pinang, Rabu lalu.

Ibu Pejabat Polis Daerah Barat Daya dalam kenyataan memaklumkan, lelaki pertama berusia 24 tahun disyaki men-

jadi keldai akaun kepada sindiket tawaran kerja dalam talian tidak wujud melalui aplikasi WhatsApp.

“Jumlah kerugian mangsa ialah RM21,377 setelah membuat pembayaran secara berperingkat ke lima akaun berlainan.

“Dua lagi lelaki berusia 23 dan 34 tahun pula disyaki menjadi keldai akaun oleh sindiket tawaran kerja da-

lam talian tidak wujud serta menyamar sebagai pengurus sebuah syarikat kurier dan polis. Mangsa mereka kerugian sebanyak RM3,575 dan RM6,500,” menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu memaklumkan kesemua mereka direman empat hari bagi siasatan lanjut mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.